



Bank Pilihan Anda

KEMPEN “0% PELAN ANSURAN MUDAH: BELANJA BESAR, BAYAR RENDAH DAN MENANG”

TERMA DAN SYARAT

(KATEGORI RAKAN DAGANG)

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Rakyat (“**Penganjur**”). Dengan menyertai kempen ini, peserta yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) hendaklah membaca serta memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dan menerima semua Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

SYARAT KELAYAKAN PENYERTAAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua **Rakan Dagang** baru dan sedia ada yang menggunakan POS Terminal Bank Rakyat bagi penerimaan pembayaran melalui kad kredit dengan Fasiliti Pelan Ansuran Mudah (EPP) (“**Peserta Layak**”).

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen ini bermula dari **15 Februari 2025** dan berakhir pada **31 Oktober 2025** (“**Tempoh Kempen**”). Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

MEKANIK DAN HADIAH KEMPEN

1. **Rakan Dagang** hendaklah menawarkan atau menerima transaksi EPP kepada atau daripada mana-mana pelanggan rakan dagang yang menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat di POS Terminal Bank Rakyat.
2. Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan **Nilai Transaksi Tertinggi** sepanjang Tempoh Kempen (rujuk jadual di bawah).

Pemilihan Pemenang	Hadiah	Nilai Hadiah	Bilangan Pemenang
Pemilihan pemenang dijalankan berdasarkan nilai transaksi tertinggi sepanjang tempoh kempen (1 Februari 2025 – 31 Oktober 2025)	Hadiah Utama	RM10,000	1
	Hadiah Sagu hati	RM1,000	54

3. Peserta Layak hanya layak untuk memenangi **SEKALI** sahaja hadiah yang ditawarkan sepanjang Tempoh Kempen.
4. Pemenang akan diumumkan dalam tempoh **60 hari** dari tarikh Tempoh Kempen berakhir.
5. Hadiah akan dikreditkan ke Akaun Semasa-i peserta yang berdaftar dengan Bank Rakyat.
6. Hadiah yang ditawarkan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.
7. Semua keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat adalah muktamad dan segala bentuk rayuan adalah tidak dibenarkan.

TERMA DAN SYARAT AM

- 1) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my.
- 2) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat serta Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
- 3) Dengan menyertai kempen ini, pemegang kad bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pemegang kad dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
- 4) Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pemegang kad adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
- 5) Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak atau menyiaran nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
- 6) Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
- 7) **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK**

KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

- 8) Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, perang, perisikan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
- 9) Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 10) Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau e-mel kepada acquiring@bankrakyat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.